

## **BAB EMPAT**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Penyelidikan atau kajian adalah sebagai satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis data yang dilakukan secara sistematik dan cekap untuk memecahkan sesuatu persoalan. Dengan itu, tujuan menjalankan kajian ialah untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan suatu langkah ilmiah yang sistematik dan saintifik (J.supranto, 1986:7 (dipetik Azhar, 2006:139).

Justeru mana-mana kajian memerlukan kepada metodologi sebagai cara memperoleh dapatan. Metodologi yang digunakan pula memerlukan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti.

Metodologi dalam bab ini merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian atau tatacara mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Ahmad Mahdzan Ayob (1993:44) menetapkan kaedah kajian sebagai segala langkah atau prosedur untuk mencapai segala objektif yang mana aktiviti kajiannya sudah tentu dijalankan mengikut kaedah sains. Bagi pelaksanaan kajian ini, penulis akan memastikan teknik- teknik kajian yang dipilih dapat menjamin

kajian dapat dilakukan secara lebih teratur dan teliti dalam semua aspek. Secara umum, kajian ini menggabungkan dua bentuk asas kajian bagi menghasilkan dapatan yang lebih berkualiti. Bentuk kajian yang dimaksudkan ialah kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*). Gabungan kedua-dua bentuk kajian ini amat sesuai dengan kaedah kajian masa kini yang mementingkan kedua-dua elemen tersebut.

Berdasarkan kepada bentuk persoalan kajian, penulis lebih memfokuskan pendekatan kaedah kajian ini kepada pendekatan kaedah yang bersifat kuantitatif, walaubagaimanapun, penulis juga turut memilih pendekatan kaedah yang bersifat kualitatif bagi menyokong dan menguatkan lagi kajian dapatan. Justeru kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kajian campuran yang bersifat kuantitatif dan kualitatif. Penulis menetapkan pemilihan ini berasaskan kepada tajuk dan persoalan kajian ini yang lebih memerlukan kepada kedua-dua bentuk pendekatan ini.

#### **4.0.1 Pendekatan Kuantitatif**

Menurut Rohana yusof (2003:146) ialah satu usaha membentuk prinsip dan peraturan umum yang mengandaikan realiti sosial sebagai objektif dan terpisah atau tidak berkaitan dengan individu.

#### **4.0.2 Pendekatan Kualitatif**

Pendekatan kualitatif pula menekankan kepentingan pengalaman subjektif individu yang perlu dianalisis secara kualitatif dan realitisosial mempunyai makna tertentu yang bersifat subjektif dan personal. Rohana yusof (2003:181). Sebenarnya kajian bersifat kuantitatif dan kualitatif adalah dua pendekatan dalam kaedah penyelidikan yang berbeza atau bertentangan antara satu sama lain. Sungguhpun demikian, pertentangan atau perbezaan tersebut tidak menghalang penyelidik menggunakan kedua-dua pendekatan dalam masa yang sama yang dikenali dengan kaedah campuran.

Perbincangan dalam bab ini juga merangkumi perkara-perkara berkaitan metodologi yang terdiri daripada reka bentuk kajian, responden kajian, tempat dan lokasi, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan lain-lain yang berkaitan.

#### **4.1 Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian direka untuk meninjau dan melihat tahap kemahiran pelajar Melayu membentuk dan menulis ayat bahasa Arab. Menurut (Kerlinger, 1973:300) reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam suatu

pengkajian untuk mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian. (Zainol Abidin: 2003) Oleh kerana kajian ini mengenai penguasaan partikel “al” bahasa Arab, maka reka bentuk kajian dibina berdasarkan persoalan-persoalan kajian mengenai partikel “al” bahasa Arab.

Kajian ini merupakan kajian berbentuk inferential yang boleh digeneralisasikan untuk tempat-tempat lain pada kes yang sama. Data-data diperolehi melalui soal selidik dan ujian bertulis. Maklumat yang diterima ditafsirkan secara kualitatif dan kuantitatif. Selain dari memfokus kajian kepada kemahiran pelajar menguasai partikel “al” bahasa Arab, penulis juga ingin melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran tersebut serta tahap perhubungan antara keduanya dalam situasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan fenomena yang berlaku iaitu tahap pengetahuan dan penguasaan pelajar terhadap fungsi-fungsi makna yang terdapat dalam partikel “al” bahasa Arab, maka dengan itu ia merupakan kajian diskriptif. Kajian ini juga boleh dianggap sebagai penilaian terhadap keberkesanan unsur-unsur yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara umum dan secara khususnya pengajaran tata bahasa Arab terutamanya penggunaan partikel “al”.

## 4.2 Respondan Kajian

Respondan utama kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan enam atas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Agama Sultan Azlan Shah (SMKASAS). (Di Perak hanya SMKASAS yang menawarkan bahasa Arab peringkat STPM). Respondan kajian berjumlah 50 orang pelajar yang terdiri daripada 40 lelaki dan 10 perempuan. Sehingga ujian dan soal selidik dilakukan, pelajar ini telah menghabiskan masa lebih dari enam tahun mempelajari bahasa Arab .

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama secara umumnya mempunyai tahap pencapaian akademik yang lebih baik jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka daripada sekolah menengah biasa yang lain. Ini adalah kerana syarat kemasukkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama pada dasarnya mensyaratkan pelajar yang mencapai sekurang-kurangnya 4A 1B pada peringkat peperiksaan UPSR dan juga telah menguasai asas-asas bahasa Arab dengan baik seperti menulis perkataan dan membaca petikan pendek dalam bahasa Arab.

Pelajar mempelajari Bahasa Arab Komunikasi sekurang-kurangnya 240 minit seminggu atau 6 waktu minimum X 40 minit seminggu iaitu jumlah masa

minimum yang diperuntukkan kepada mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi iaitu pelajar yang telah belajar daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 3.

Pelajar juga mempelajari Bahasa Arab Tinggi pada peringkat tingkatan 4 dan tingkatan 5 sekurang-kurangnya 160 minit seminggu atau 4 waktu X 40 minit seminggu iaitu masa yang minimum diperuntukkan kepada mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi. (Manual kursus pendedahan Kurikulum Semakan Bahasa Arab untuk Murshid Tarbawi Bahasa Arab Di Sekolah Menengah, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2002:1)

Ini bermakna sebelum pelajar menduduki tingkatan enam, secara teorinya mereka telah belajar sekurang-kurangnya pada peringkat tingkatan satu hingga tingkatan tiga sebanyak 240 minit x 34 minggu x 3 tahun belajar berjumlah 12480 minit, ditambah dengan jumlah jam pada peringkat tingkatan empat dan lima sebanyak 160 minit x 34 minggu belajar x 2 tahun berjumlah 10880 minit. Jumlah keseluruhan belajar ialah 12480 minit ditambahkan dengan 10880 minit menjadikan jumlah keseluruhan belajar secara teorinya 23360 minit atau pun bersamaan 389.33 jam, bersamaan 16.22 hari.

### **4.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian dilakukan berpandukan dua kaedah utama iaitu rujukan data sekunder dan pengumpulan data primer. Data-data primer diperolehi daripada buku, jurnal dan tesis yang diperolehi dari perpustakaan di beberapa buah institusi pendidikan tinggi negara seperti Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa juga perpustakaan SMKASAS dan koleksi peribadi penulis sendiri. Penulis juga memanfaatkan teknologi maklumat terkini dengan mendapatkan maklumat-maklumat melalui internet. Kaedah ini digunakan sepenuhnya untuk menyiapkan bab kedua dan ketiga.

Data-data sekunder pula diperoleh melalui tiga instrumen kajian iaitu soal selidik, ujian bertulis dan pemerhatian ke atas pelajar. Data-data yang diperolehi itu dikumpulkan untuk dianalisis. Kaedah ini akan dimanfaatkan untuk menyiapkan bab kelima yang melibatkan analisis data-data terkumpul secara praktikal.

### **4.4 Instrumen Kajian**

Bagi mendapatkan data-data mentah berkaitan dengan kajian, penulis telah menggunakan tiga jenis instrumen iaitu soal selidik, ujian bertulis dan pemerhatian umum.

#### 4.4.1 Soal Selidik

Soal selidik ini adalah hasil daripada pengubahsuaian yang dilakukan penulis daripada tesis-tesis terdahulu dan jurnal-jurnal mengenai pembelajaran Bahasa Inggeris dan bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Penulis kemudian telah mengadakan perbincangan tentangnya terlebih dahulu dengan penyelia dan beberapa orang yang mahir berkaitan sebelum ianya dilakukan kepada pelajar. Soal selidik lebih memberikan tumpuan kepada penguasaan partikel “al” bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Walau bagaimanapun pengkaji juga ingin melihat faktor-faktor lain yang mempunyai kaitan dengan tahap penguasaan partikel “al” dalam kalangan pelajar. Soal selidik ini dibahagikan kepada:

##### i) Bahagian 1

###### 1 (a) Latar Belakang

Fokus bahagian ini adalah berkaitan latar belakang seperti maklumat diri, sekolah, taraf pendidikan bapa, taraf pendidikan emak, pekerjaan bapa, pekerjaan emak, status ekonomi keluarga, pencapaian PMR, pencapaian bahasa Arab dalam PMR, pencapaian SPM, pencapaian bahasa Arab dalam SPM, minat dan cita-cita.



## 1 (b) Persepsi dan Motivasi

Fokus bahagian ini adalah berkaitan motivasi, bahasa, persepsi terhadap bahasa Arab, sumber pengetahuan tentang bahasa Arab, penglibatan aktiviti ko-kurikulum, motivasi terhadap bahasa Arab.

Soalan dalam bahagian ini terdiri dari soalan jawapan tertutup, soalan pilihan jawapan tertutup dan terbuka. Pelajar hanya diminta memilih jawapan-jawapan yang disediakan dan menulis di kertas soalan.

Soalan jenis ini mungkin menghadkan maklumat berkaitan dengan kajian namun ia lebih menyenangkan penulis untuk menganalisa, dan juga memudahkan pelajar menjawab serta tidak memakan masa yang terlalu lama.

### ii) Bahagian 11

Memberi tumpuan kepada pengetahuan pelajar tentang beberapa aspek berkaitan tajuk kajian. Ianya mengandungi 15 soalan dan digabungkan kepada tiga unit:

- a) Unit pertama : tentang dorongan mempelajari bahasa Arab
- b) Unit kedua : tentang penglibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

c) Unit ketiga : pengetahuan tentang partikel secara umum dan pengetahuan partikel “al” secara khusus.

Untuk menjawab soal bahagi 11, pelajar dikehendaki memilih satu jawapan dari empat pilihan jawapan mengikut skala berikut:

1=sangat tidak setuju

2=tidak setuju

3=setuju

4=sangat setuju

Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soal selidik in adalah 1jam 15 minit. Penulis sendiri mengedarkan dan mengumpulkan soal selidik berkenaan. Penulis juga berpeluang menerangkan maksud soalan kepada responden sebelum memilih jawapan.

#### **4.4.2 Ujian Bertulis**

Bagi melihat fenomena dan mendapatkan gambaran tepat tentang tahap penguasaan Partikel “al” bahasa Arab, penulis telah merangka satu set soalan

bertulis tentang penggunaan partikel “al”. Ujian bertulis ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan.

Bahagian-bahagian itu adalah seperti berikut;

**I) Bahagian 1**

a) 15 item soalan dikemukakan adalah untuk melihat penguasaan pelajar dalam menentukan perkataan-perkataan yang berimbuhan hadapan (prefix) partikel “al” dalam sesuatu perkataan. Pelajar dikehendaki memilih jawapan yang tepat sama ada skor (1) atau skor (0), terdapat pelajar yang tidak menjawab langsung, justeru dalam ruangan analisis penulis telah mencatatkan bilangan dan peratusan pelajar yang tidak menjawab langsung (item dibina berdasarkan jenis partikel “al”).

b) Item 16-20 dikemukakan adalah untuk melihat penguasaan pelajar bagi menentukan jenis partikel “al”. Pelajar dikehendaki menentukan jenis partikel-partikel yang betul.

**ii) Bahagian 2**

a) Soalan satu terjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab dengan menggunakan elemen partikel “al” dalam terjemahan tersebut.

b) Soalan dua terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan menggunakan elemen partikel “al” dalam terjemahan tersebut.

### **iii) Bahagian 3**

Menulis karangan pendek yang panjangnya tidak kurang dari 25 patah perkataan. Dalam menjawab soalan ini pelajar diberikan kebebasan untuk memilih tajuk karangan yang disukai.

Soalan-soalan ini diedarkan dan dikumpulkan sendiri oleh penulis. Penulis juga menyelia sepanjang ujian in berlangsung. Masa menjawab adalah 1 jam 15 minit. Ujian ini juga disemak sendiri oleh penulis. Semakan adalah bertujuan untuk melihat penguasaan pelajar terhadap partikel “al” serta mengukur kemampuan mereka dalam membezakan fungsi-fungsi dan jenis-jenis partikel tersebut. Di samping itu juga pengaruh bahasa pertama terhadapnya. Analisa kesilapan juga dilakukan untuk menentukan tahap penguasaan pelajar tentang partikel “al” bahasa Arab dan unsur-unsur asas tatabahasa.

#### **4.4.3 Permerhatian Umum**

Sepanjang pengalaman penulis mengajar lebih sepuluh tahun bahasa Arab kepada pelajar-pelajar Melayu (di SMKASA), penulis mendapati antara aspek kelemahan pelajar dalam bahasa Arab ialah penggunaan partikel “al”. Justeru dengan bersumberkan pengalaman tersebut dan juga pemerhatian umum dalam kelas, di samping pengalaman memeriksa latihan, kertas jawapan peperiksaan dan karangan pelajar, kesemua elemen-elemen ini akan dijadikan sandaran oleh penulis dalam membuat hepotesis terhadap kelemahan mereka. Namun kaedah ini hanyalah sebagai gambaran awal serta untuk menguatkan data-data yang melibatkan ujian bertulis dan soal selidik yang lebih bersifat kuantitatif.

#### **4.5 Kaedah Penganalisan Data**

Di samping itu penulis juga menggunakan pendekatan metod kajian berikut dalam proses menganalisis data kajian.

i) **Metod Induktif:** Iaitu membuat kesimpulan daripada yang bersifat khusus kepada umum. Pengajaran bahasa mengikut pendekatan ini akan di mulakan oleh guru dengan memberikan contoh-contoh yang berdasarkan kepada hukum-hukum bahasa yang dipelajari, diikuti dengan penganalisisannya sebelum membuat generalisasi hukum tersebut. Secara umumnya, pengajaran kaedah ini dimulakan dengan contoh-contoh, menghuraikannya dan mengeluarkan hukum bahasa yang ingin dipelajari. Dalam konteks kajian ini, penulis akan membuat

kesimpulan berdasarkan data-data yang dikumpul untuk dibuat satu konklusi umum terhadap permasalahan yang dihadapi pelajar seterusnya mencari kaedah terbaik dalam menentukan penyelesaian kepada masalah tersebut.

ii) **Metod Komperatif:** iaitu melakukan perbandingan terhadap segala data yang diperolehi dengan perolehan data-data yang lain bagi menghasilkan satu rumusan. Daripada rumusan tersebut pula penulis akan menentukan kaedah yang terbaik bagi merungkai masalah-masalah yang dihadapi pelajar-pelajar.

**Analisis:** iaitu membuat analisis terhadap data-data yang telah dikumpulkan dari soal-selidik yang telah dikemukakan kepada responden kajian. Dapatan daripada analisis tersebut akan dibuat rumusan dan mengenal pasti aspek kekuatan dan kelemahan untuk dicadangkan tindakan bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang wujud.

#### **4.6 Kajian Kontrastif**

Dalam kajian ini elemen kontrastif juga akan dilibatkan dalam proses membuat analisis, justeru sedikit pengenalan tentang kajian kontrastif supaya gambaran mengenainya menjadi lebih jelas.

#### **4.6.1 Definisi Kajian Kontrastif**

Kajian kontrastif adalah kajian perbandingan antara dua bahasa atau lebih dalam rumpun bahasa yang sama sebagai contoh kajian tentang bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia atau dengan bahasa Jawa yang kesemuanya dalam rumpun bahasa yang sama iaitu bahasa-bahasa Polynesia.

Dalam konteks bahasa Arab pula perbandingan antara bahasa Arab dengan bahasa Ibrani atau dengan bahasa Habshah yang kesemuanya adalah daripada rumpun bahasa yang sama iaitu bahasa Sam.

Kajian kontrastif dan kajian komparatif kedua-duanya adalah cabang daripada ilmu Linguistik terapan (applied Linguistik).

Di samping ilmu Linguistik terapan terdapat lagi medan kajian Sociolinguistik, medan Psikolinguistik, medan Lexicografi (perkamusian) dan medan komputer Linguistik.

Harimurti mendefinisikan medan kajian ini termasuk dalam kajian medan ilmu analisis yang bertujuan melihat aspek perbezaan dan persamaan antara dua bahasa yang hasilnya digunakan untuk diaplikasi dalam proses penterjemahan dan pengajaran.

Di sana terdapat lagi dua jenis medan ilmu iaitu medan kajian ilmu sosiologi dan juga psikologi yang keduanya adalah cabang ilmu Linguistik terapan yang juga dikenali medan kajian Ethnolinguistik. (lihat carta di bahagian lampiran)

#### **4.7 Analisis Kesilapan**

Penulis berpendapat kajian yang dijalankan ini mempunyai kaitan dengan analisis , Justeru perlunya didedahkan secara ringkas aspek-aspek yang wujud dalam teori analisis kesilapan bagi memudah untuk memandu kepada natijah yang ingin dicapai.

Sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan ialah peranan yang dimainkan oleh analisis kesilapan (AK) dalam usaha mengesan atau mengukur sejauh mana kesukaran pelajar menguasai sesuatu bahasa yang dipelajarinya. Pengkaji juga tidak ketinggalan menggunakan kaedah AK bagi mengumpulkan data kajian ini, Justeru, pengkaji cuba memberikan ruang untuk membincangkan secara ringkas beberapa aspek penting tentang AK berdasarkan pandangan ahli bahasa.

##### **4.7.1 Definisi Analisis Kesilapan**

Definisi AK oleh Corder(1974) dipetik dari Naimah Abdullah 2003) ialah:



*“What has come to be known as error analysis has to do with the investigation of the language learners”*

Corder menjelaskan bahawa kesilapan bahasa berlaku kepada pelajar yang hendak menguasai bahasa kedua, kesalahan bahasa ini akan berlaku apabila pelajar itu belum mampu menguasai seluruh sistem bahasa kedua yang dipelajari (Di petik dari Abdul hamid dan Ibid 1995:532).

Tarigan (1988:272) mendefinisikan kesalahan bahasa sebagai:

*“..... sisi yang mempunyai cacat pada ujaran atau tulisan pelajar. Kesalahan tersebut merupakan bagian-bagian konversasi atau komposisi yang menyimpang dari norma terpilih dari performasi bahasa orang dewasa”*

Bagi Asmah Hj Omar (1986:199) pula, lebih selesa menggunakan istilah kejanggalan (deviance) berbanding dengan ‘error’ yang pada pandangannya kurang tepat kerana perkataan itu boleh disalah tafsirkan, dan beliau mendefinisikannya sebagai :

*“Satu ucapan atau bentuk tulisan yang terkeluar daripada norma-norma bahasa yang bukan standard yang boleh diterima daripada segi fonologi, tataahasa atau leksikon bahasa itu.”*

Dalam memperkatakan tentang kesilapan bahasa dalam kalangan pelajar, terdapat pandangan yang berbeza-beza menurut ahli bahasa sendiri. Ahli Psikologi Mentalis (Teori Koda Kognitif) yang didokong oleh Jean Piaget, Lenneberg dan lain (Kamarudin Husin 1998:24) berpendapat bahawa kesilapan pelajar adalah berdasarkan fatalism. Kesilapan yang berlaku dalam kalangan mereka sudah ditentukan oleh nasib, jadi pelajar perlu bersedia memperbaiki kesilapan tersebut.

Manakala ahli psikologi Behavioris (teori Mekanis) yang dianuti oleh Bloomfield pula menganggap kesilapan sebagai tanda pengajaran yang tidak baik, sebaliknya jika pembelajaran berjalan dengan sempurna, kesilapan tidak akan mudah berlaku.

Pendapat di atas memberi gambaran kepada kita bahawa kesilapan bahasa boleh dielakkan, dan sekiranya di sesebuah sekolah atau pusat pengajian itu baik, maka hasilnya pelajar akan dapat menggunakan bahasa yang dipelajari sama ada di dalam pertuturan, pembacaan mahupun penulisan dengan baik, menepati kaedah dan peraturan bahasa tanpa melakukan kesilapan ( Naimah Abdullah 2003:51)

Namun hakikatnya, sesiapa jua yang mempunyai pengalaman mengajar atau belajar sesuatu bahasa, pasti mengakui bahawa setiap pelajar tidak dapat lari

daripada melakukan kesilapan bahasa dalam proses pembelajaran. Jika dilihat kepada pelajar yang mempelajari bahasa ibunda pun sentiasa melakukan kesilapan, dan yang jelas, keadaan menjadi semakin sukar dalam pembelajaran bahasa asing, bahkan tidak dapat dinafikan ada ketikanya kesilapan juga berlaku dalam kalangan para pengajar sendiri. Demikianlah pula dalam hal penggunaan bahasa, sememangnya manusia tidak luput daripada melakukan kesalahan sama ada bahasa pertama atau bahasa kedua.

Tarigan (1988:271) berpandangan bahawa:

*“ Tidak ada siswa yang tidak pernah membuat kesalahan selama belajar..... Orang yang pintar pun sering berbuat salah atau keliru, apa lagi para pelajar..... ”*

Justeru, hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah kesalahan atau kesilapan akan terus berlaku dalam proses pembelajaran terutamanya bahasa asing sebagai bahasa kedua atau sebagai bahasa ketiga. Namun ini tidak bermakna kita harus bertolak ansur dan membiarkan kesalahan itu berlaku, sebaliknya dengan segera mengurangkannya seminimum yang mungkin.

#### **4.7.2 Kepentingan Analisis Kesilapan**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa, sesuatu yang tidak dapat dielakkan ialah masalah penguasaan pelajar yang menyebabkan berlakunya kesilapan–kesilapan dari pelbagai aspek bahasa sasaran. Biasanya pengajar akan mencuba sedaya upaya dengan berbagai cara untuk menangani masalah ini dengan cuba membetulkan kesilapan dan menjelaskan kepada pelajar tentang kesilapan mereka. Dalam keadaan inilah perlunya AK digunakan oleh pengajar untuk mengkategorikan kesilapan mereka, dengan itu langkah- langkah yang perlu boleh diambil untuk mengatasi masalah. (Naimah Abdulah 2003:54)

Oleh itu menganalisis kesilapan bahasa adalah suatu perkara yang amat penting yang perlu ditangani oleh pengajar bahasa, kerana ianya merupakan satu langkah asas dalam menyediakan maklumat, juga untuk membuat penilaian keupayaan pelajar dalam penguasaan dan penggunaan bahasa yang dipelajari. Hasil daripada AK sangat penting kepada pengajar bahasa yang perlu tahu jenis-jenis dan punca-punca kesilapan.

Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar sebenarnya boleh dijadikan maklum balas akan sejauhmana keberkesanan teknik pengajaran seseorang pengajar bahasa.

Melalui kajian AK para pengajar akan dapat melihat hasil pencapaian pelajar, aspek-aspek bahasa yang susah untuk dikuasai oleh mereka yang selalu membawa kepada berlakunya kesilapan, dan seterusnya meneliti jenis-jenis kesilapan dan kekerapan ianya berlaku sama ada dalam pertuturan mahupun dalam penulisan, berdasarkan maklumat ini, pengajar diharap dapat mempelbagaikan corak dan teknik pengajaran yang lebih berkesan dengan memberikan penekanan yang lebih kepada aspek-aspek yang sukar dan yang mengakibatkan berlakunya kesilapan. Sebagaimana kata Azman Wan Chik (1982:173)

*“Analisis kesilapan menyumbangkan maklumat-maklumat yang penting di mana guru dapat menilai pembelajaran dan pengajaran serta menentukan keutamaan untuk langkah-langkah selanjutnya khususnya untuk tugas pemulihan”.*

Melalui AK juga pengajar bahasa dapat meninjau tahap sistem bahasa yang telah dikuasai oleh pelajar, kesilapan yang dihasilkan oleh pelajar, baik dari segi morfologi mahupun dari segi sintaksis adalah amat berguna sebagai bukti yang sah bagi menunjukkan keadaan sebenar yang pernah dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa mereka mempelajari bahasa yang didedahkan kepada mereka. Dengan itu, pengajar akan mendapat gambaran yang jelas tentang

langkah-langkah yang perlu diambil dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa berkenaan.

Tarigan (1988:68) menjelaskan bahawa:

*“Menganalisis kesalahan yang dibuat oleh para siswa jelas memberikan manfaat tertentu, kerana pemahaman terhadap kesalahan itu merupakan umpan balik yang sangat berharga bagi pengevoluasan dan perancangan penyusunan materi dan strategi pembelajaran di kelas.”*

Demikianlah pentingnya peranan AK yang mempunyai pengaruh langsung dalam pengajaran sesuatu bahasa, ianya memberi implikasi pedagogi yang sangat besar iaitu yang berkaitan dengan pembedahan kesilapan (Jamaliah 1990:337)

Jelaslah bahawa AK telah banyak memberi sumbangan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa sebagaimana yang ditegaskan oleh Zulkifley (1994:75)

*“AK memberikan sumbangan yang penting dalam melicinkan proses pengajaran bahasa, terutamanya bahasa kedua, ia bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh guru bahasa tetapi juga oleh perancang pendidikan bahasa dan pelajar bahasa.”*

Beliau juga telah menyenaraikan beberapa kepentingan AK dalam proses pengajaran bahasa seperti berikut :

- a) melalui AK, pengajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan kerana guru-guru lebih berpeluang untuk bersedia dengan teknik yang sesuai serta bahan-bahan pengajaran yang telah dirancang mengikut kesesuaian para pelajar.
- b) Guru secara khusus dapat mengesan sejauh manakah pengaruh bahasa ibunda terhadap proses pembelajaran bahasa kedua .
- c) Melalui AK, guru-guru dapat memahami bahawa kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar ini bukanlah sesuatu yang rambang tetapi lebih merupakan kesalahan-kesalahan yang dirancang. Kesalahan itu sebenarnya bukanlah pada tahap akal budi (competence).
- d) Hasil maklumat yang diperolehi daripada proses menganalisis kesalahan, guru boleh mengubahsuai kaedah dan teknik pengajarannya bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar.

Secara jangka panjang, AK dapat membantu penyusunan sukatan pelajaran pemulihan atau rancangan pengajaran kembali (Ibrahim Ahmad 1982:612).

Sebagaimana hasil dari kajian AK juga dapat memberi panduan kepada penulis buku teks untuk menghasilkan sesuatu yang menepati kehendak pengajaran dan pembelajaran bahasa yang benar-benar berkesan.

#### **4.7.3 Mengambil Faedah Daripada Analisis Kesilapan dan Kontrastif**

Kepentingan analisis kesilapan dalam pengajaran bahasa berasaskan kenyataan bahawa penguasaan bahasa khususnya dalam kalangan kanak-kanak antara lainnya diperoleh daripada kesilapan yang dilakukan dari semasa ke semasa. Kepentingan kontrastif pula didasari kepada gangguan bahasa ibunda dalam mempelajari bahasa sasaran. Faedah daripada kedua-duanya boleh diambil, terutamanya dari aspek struktur yang harus diberi penekanan dan didahulukan atau dikemudiankan. Sebagai contoh, pembahagian tajuk-tajuk nahu kepada *al-marfuat*, *al-mansubat*, dan *al-majrurat* dalam pengajaran nahu adalah tidak sesuai diketengahkan kepada pelajar-pelajar Melayu berdasarkan analisis kesilapan dan kontrastif, kerana pembahagian tersebut adalah bersifat “*bentuk*” daripada “*makna*” yang lebih diperlukan oleh pelajar Melayu.

Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Saufi Man kepada penuntut-penuntut peringkat tinggi, Pra-Universiti Islam Antarabangsa tentang kesalahan penggunaan bahasa Arab, menunjukkan bahawa peratus kesalahan adalah



tinggi dari aspek hukum kombinasi nahuan (*al-mutabaqat al-nahwiyyat*) seperti berikut:

Jenis kesalahan	Peratus
Am dan khas	86%
Genus	85%
Infleksi dan keadaan kata kerja	60%
Bilangan	30%

Contoh kedua ialah kajian yang dilakukan oleh Siti Ikbal (2005) dengan tajuk kajian “Masalah Penguasaan Pertuturan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Di Selangor” telah membuat menghasilkan dapatan menunjukkan kategori kesilapan yang menduduki kesilapan yang ketiga terbesar sebanyak 82.5% adalah penggunaan **partikel “al”** dalam pertuturan bertulis antara contoh kesilapan pelajar dalam petuturan bertulis tentang penggunaan partikel “al” adalah seperti berikut:

a. Ayat yang salah: كَم سَاعَةَ الْآنَ؟ maksudnya “pukul berapakah sekarang?”  
ayat yang betul dengan di sertakan alif lam pada perkataan كَمِ السَّاعَةَ الْآنَ

b. Ayat yang salah الْفَوَاكِهَ الْمَحَلِّيَّةَ الَّتِي أَحْبَبْتُهَا هِيَ مَنجَا وَبَابَايَا maksudnya “buah-buahan tempatan yang saya sukai ialah mangga dan betik”.

Ayat yang betul *الفَوَاكِهِ الْمَحَلِيَّةُ الَّتِي أَحْبَبْتُهَا هِيَ الْمَنجَا وَالْبَابَايَا* dengan disertakan alif lam pada perkataan *الْمَنجَا* dan *وَالْبَابَايَا*

Walaupun tidak disebut dengan jelas hukum kombinasi nahuan, namun kesalahan-kesalahan tersebut dapat dirumuskan di bawah kombinasi nahuan. Hal ini menuntut supaya penekanan dan latihan harus diberikan kepada tajuk hukum kombinasi nahuan dalam pengajaran bahasa Arab. Begitu juga dengan tajuk *al-na'at* dan *al-idafat* perlu diajar serentak atau berdekatan kerana pelajar Melayu selalu keliru antara kedua-dua tajuk tersebut yang menyebabkan mereka selalu melakukan kesilapan ketika menggunakannya.

Melalui kajian kontrastif pula umpamanya, boleh dinyatakan bahawa ciri-ciri dan tajuk-tajuk nahu Arab yang tiada persamaan langsung atau yang berbeza dengan bahasa Melayu, hendaklah diberi penekanan yang lebih dan dipebanyakkan latihan, seperti hukum kombinsi nahuan, aplikasi alim lam, kepelbagaian bentuk struktur nahuan seperti: *al-majzuma:t* (المجزومات) dan *al-istithna'* (الاستثناء) dengan mengambil perhatian bahawa tajuk-tajuk ini tidak boleh diberi penekanan serentak pada peringkat awal, tetapi hendaklah secara berperingkat dan hendaklah diketengahkan dalam perancangannya yang sistematik. Contoh-contoh yang disebutkan tadi juga menuntut supaya tajuk-

tajuk yang disebutkan tadi juga menuntut supaya tajuk-tajuk *idafat*, *na'at* dan *tamyiz* diajar berdekatan.

#### **4.8 Prosedur Kajian**

Untuk menjalankan kajian penulis terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Kemudian penulis memohon kebenaran pihak-pihak yang berkaitan untuk membuat kajian di sekolah berkenaan. Setelah mendapat kebenaran dari pihak pentadbiran sekolah penulis pun mula menjalankan urusan kajian.

Langkah seterusnya penulis mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbiran sekolah dan pelajar untuk mencari masa dan tarikh yang sesuai untuk mengumpulkan data-data primer yang diperlukan. Ini adalah untuk mengelakkan pertembungan dengan program-program dalaman yang akan mengganggu kelicinan kajian seperti ujian bulanan, majlis-majlis rasmi sekolah dan sebagainya. (penulis tidak menghadapi sebarang masalah kerana penulis adalah tenaga pengajar di sini)

Setelah menentukan masa dan tarikh pelaksanaan kajian, penulis mengelolakan dan menyediakan sendiri perjalanan soal selidik dan ujian pelajar. Ini adalah kerana ianya hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja (untuk makluman di

Perak hanya sekolah ini sahaja yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab peringkat STPM).

#### **4.9 RUMUSAN**

Metodologi yang jelas amat penting sebelum menjalankan sesuatu kajian. Ini kerana kualiti kajian itu bergantung kepada ketepatan penggunaan kaedah yang sesuai dengan objektif Kajian, objektif dan persoalan yang ditetapkan oleh penyelidik. Metodologi ini sewajarnya menggunakan teknik yang betul dan bersistematik bagi menghasilkan dapatan kajian yang mempunyai kesahan dan nilai yang tinggi. Dalam bab ini, penulis telah menggariskan metode kajian yang menjadi sandaran kepada kajian mengenai penguasaan pelajar terhadap fungsi partikel “al” di peringkat STPM.